

# DBKL keluarkan 45 kompaun premis kotor

RH 11/11/2023  
M/S 23

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan 45 kompaun, selain mengarahkan sebuah premis ditutup, dalam Operasi Sepadu Bersih yang diadakan di sekitar ibu negara pada Rabu lalu.


Dalam kenyataan menerusi Facebook, kelmarin DBKL memaklumkan sebanyak 52 premis diperiksa dalam operasi itu di mana ada yang dikesan tidak bersih, meletakkan bahan mentah di atas lantai dan terdapat makhluk perosak di sekitar premis.

Menurut DBKL, ada juga pekerja di premis terbabit tidak mengambil suntikan tifoid, selain berlaku penyalahgunaan lorong belakang untuk membasuh peralatan memasak.

“Hasil pemeriksaan ke atas 52 premis itu, sebuah premis dikenakan tindakan arahan penutupan mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan 28(1) WPKL 2016.

“Sebanyak 45 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan WPKL 2016 dan Undang-Undang Kecil Pengendali Makan 1979,” katanya dalam kenyataan itu.

DBKL berkata, operasi itu membabitkan seramai 36 petugas dari Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL, manakala antara lokasi terbabit ialah Jalan Bukit Cheras, Taman Bukit Anggerik, Jalan Radin Bagus 7, Jalan Wan Kadir, kios tingkat bawah sebuah hospital serta pusat beli-belah.



Antara premis yang didapati kotor dan dikenakan kompaun.

(Foto Facebook DBKL)